

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

1. Penang Global Tourism telah menubuhkan Jawatankuasa Penang Centre for Medical Tourism (PMED) bagi mempromosikan Pelancongan Perubatan.
 - (a) Sehingga sekarang, sejauh manakah keberkesanannya dan berapa peratuskah kenaikan dalam sektor Pelancongan Perubatan tersebut?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang menunjukkan trend yang memberangsangkan selepas terjejas akibat pandemik COVID 19.

Pulau Pinang merupakan negeri yang paling tinggi pencapaian dari segi pelancongan perubatan di Malaysia dan merupakan salah satu pusat pelancongan perubatan di rantau Asia Tenggara.

Berdasarkan data daripada 17 buah hospital yang menganggotai *Penang Centre for Medical Tourism* (PMED), jumlah pelancong perubatan yang direkodkan pada tahun 2022 ialah seramai 194,327 orang dengan hasil pendapatan sebanyak RM378.4 juta. Tahun berikutnya, iaitu pada 2023, jumlah ini meningkat hampir dua kali ganda kepada 406,469 orang, dengan hasil pendapatan mencecah RM831.9 juta. Bagi tahun 2024, jumlah pelancong perubatan telah meningkat sedikit (0.88%) kepada 410,055 orang, mencatatkan pendapatan sebanyak RM885.2 juta. Senarai bilangan pelancong perubatan dan pendapatan bagi tahun 2022 sehingga 2024 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Bilangan Pelancong Perubatan dan Pendapatan (2022-2024)

Tahun	Bilangan Pelancong Perubatan	Pendapatan (RM)
2022	194,327	378,403,826
2023	406,469	831,942,142
2024	410,055	885,237,503

Kerajaan Negeri mempromosikan sektor ini melalui beberapa kaedah seperti berikut:

- (i) Mengadakan jerayawara (*roadshows*) dan pameran di negara-negara yang berjiran dengan Malaysia seperti Indonesia, Thailand, China dan Singapura;
- (ii) Bekerjasama dengan bank dan pengeluar kad kredit untuk mempromosikan Pulau Pinang di laman web dan platform mereka dengan memberikan promosi, diskaun dan tawaran yang istimewa. Selain itu, institusi perbankan ini membuat hebahan kepada pelanggan dan kakitangan bank serta persatuan-persatuan perdagangan;
- (iii) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk menawarkan harga tiket yang istimewa di laman web tempahan mereka untuk tujuan pelancongan kesihatan dan berbincang untuk membuka lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang;
- (iv) Bekerjasama dengan negara Indonesia bagi penerimaan kod *Quick Response Indonesian Standard* (QRIS) untuk memudahkan bayaran dalam mata wang Rupiah untuk pelancong kesihatan Indonesia; dan
- (v) Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedang dijalankan dan ini akan memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pelancong perubatan yang tiba di Pulau Pinang. Selain itu, pelancaran projek MRT juga akan menyokong pergerakan pelancong perubatan setelah ianya siap dilaksanakan nanti.

Negara Indonesia merupakan pasaran pelancongan perubatan yang terbesar bagi Negeri Pulau Pinang. Sehingga Mac 2025, terdapat 73 penerbangan terus seminggu antara Indonesia dan Pulau Pinang, termasuk 45 penerbangan dari Medan, 21 penerbangan dari Jakarta, 3 penerbangan dari Surabaya dan 4 penerbangan dari Bandar Aceh. Kebolehcapaian yang mudah ini telah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelancong perubatan Indonesia.

Pulau Pinang juga mempunyai penerbangan terus dengan 20 bandar antarabangsa. Destinasi penerbangan ini adalah dari Asia Tenggara, Timur Tengah, *Greater China* dan India. Melalui pengenalan banyak penerbangan terus dalam tempoh 2 tahun ini, maka Pulau Pinang mempunyai potensi untuk mengembangkan lagi tarikan pelancong kesihatan dari negara-negara lain.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan (DOF) melalui Kerajaan Negeri telah membuat permohonan peruntukan projek khas penternak kerang kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada tahun ini.
- (a) Apakah perkembangan permohonan tersebut?
 - (b) Sekiranya diluluskan, apakah penambahbaikan yang akan dijalankan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2025: Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri telah meluluskan Program Pelepasan Benih Ikan/Udang Ke Perairan Darat Dan Kerang Ke Perairan Laut Negeri Pulau Pinang dengan peruntukan berjumlah RM880,000.00. Projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang.
- (b) Projek ini merupakan permohonan kali kedua yang telah diluluskan oleh pihak KPKM dan penambahbaikan daripada Program Pelepasan Benih Ikan/Udang Ke Perairan Umum Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 dengan jumlah peruntukan yang telah diterima adalah sebanyak RM350,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

3. Skim Perumahan Rakyat dilihat sebagai satu langkah yang bagus untuk penduduk Pulau Pinang dari golongan yang kurang berkemampuan. Namun begitu tempoh menunggu untuk memiliki rumah tersebut terlalu lama. Apakah langkah yang lebih relevan bagi menyelesaikan / mengatasi isu tempoh tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat isu penyediaan rumah terutamanya melibatkan golongan yang berpendapatan rendah (B40). Tawaran unit rumah Program Residensi Rakyat (PRR) yang dahulunya dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada pemohon adalah tertakluk kepada kekosongan unit sedia ada serta senarai menunggu yang layak. Namun, penawaran tersebut juga akan mengambil masa sekiranya unit PRR tersebut memerlukan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan bagi keselesaan dan keselamatan penghuni.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) adalah: -

- (a) Melaksanakan pengemaskinian maklumat penyewa di PRR setiap tiga (3) tahun sekali untuk tujuan pembaharuan Perjanjian Sewaan dan juga bagi menjamin ketelusan serta kelayakan penyewa di PRR. Bagi melengkapkan proses ini, penyewa akan mengemukakan semua dokumen sokongan yang berkaitan untuk tujuan tersebut sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tempoh perjanjian tamat. Kerajaan Negeri melalui LPNPP akan melaksanakan semakan secara terperinci dan

penyambungan Perjanjian Sewaan akan dilaksanakan kepada penyewa yang layak sahaja.

- (b) Kerajaan Negeri juga akan memastikan pembekalan PRR ditingkatkan dan disediakan kepada golongan sasaran selaras dengan permintaan penduduk Negeri Pulau Pinang melalui projek-projek yang diluluskan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- (c) Kerajaan Negeri melalui LPNPP sedang mengkaji mekanisme pelaksanaan PRR yang mana antaranya adalah melalui kaedah pembelian secara *en-bloc* agar pembinaan PRR dapat dipercepatkan dan penawaran dapat dilakukan dengan segera. Antara projek yang dalam fasa perancangan bagi tujuan tersebut adalah seperti di berikut:

Bil.	Kawasan	Komponen
1.	PPR Kota Giam, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut	250 unit
2.	PPR Seberang Perai Tengah	186 unit

Komponen adalah tertakluk kepada kelulusan dan berubah mengikut keperluan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

4. Pelbagai skim yang ditawarkan kepada rakyat seperti bantuan warga emas, bantuan OKU, bantuan ibu tunggal dan khairat kematian. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah beberapa lagi bantuan bagi membantu rakyat yang lebih tertekan dengan kos ekonomi sekarang?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Buat masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum bercadang untuk menambah bantuan baharu. Walau bagaimanapun, pelbagai skim bantuan sedia ada akan terus dilaksanakan bagi meringankan beban rakyat yang terkesan dengan tekanan kos sara hidup seperti:

(a) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sejak Mac 2009 sebagai satu bentuk bantuan kewangan bulanan untuk membantu isi rumah miskin. Bermula September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan dijenamakan semula sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus dan pengagihan bantuan.

Mulai 1 Januari 2025, kadar BAES telah dinaikkan daripada RM260 kepada RM322 sebulan bagi menyokong usaha pembasmian kemiskinan tegar di negeri ini. Setiap

permohonan yang layak akan menerima bantuan antara RM100 (minimum) hingga RM1,300 (maksimum) sebulan.

Berikut merupakan statistik pelaksanaan BAES mengikut kadar RM322 dari Januari 2025 sehingga April 2025.

Bulan	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Januari	890	RM428,712.00
Februari	896	RM435,811.00
Mac	884	RM437,573.00
April	885	RM450,487.00

Perbezaan perbelanjaan antara berikut:

Perbezaan perbelanjaan	Kadar	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Disember 2024	RM260	895	RM418,100.00
April 2025	RM322	885	RM450,487.00
Kenaikan jumlah bayaran			RM32,387.00

Terdapat trend peningkatan jumlah bayaran bulanan, selari dengan kenaikan kadar bantuan dan pertambahan jumlah kes aktif. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan tiada isi rumah yang terpinggir daripada jaringan perlindungan sosial.

- (b) Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas menerusi Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah Program MMK Pembangunan Luar Bandar. Program ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 merupakan usaha Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang.

- (c) Pejabat Daerah dan Tanah akan mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;
- (d) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.
- (e) Kerajaan Negeri turut menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikrokredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin.
- (f) Tabung Usahawan Tani Negeri Pulau Pinang (TUT) merupakan tabung berbentuk pinjaman perniagaan kepada usahawan mikro berkaitan aktiviti pertanian dan penternakan di Negeri Pulau Pinang. Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bertindak sebagai agensi penyelaras yang memberi pinjaman serta membuat kutipan hutang serta pentadbir kepada pelaksanaan TUT ini. Peruntukan dana sebanyak RM750,000.00 telah disalurkan kepada PDC pada tahun 2017 sebagai modal awal. Sehingga Julai 2024, TUT telah memberi manfaat kepada 195 orang petani/ penternak dengan jumlah pinjaman adalah sebanyak RM1,099,000.00.

- (g) Selain itu, Kerajaan Negeri melalui MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar dan MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi turut menyalurkan bantuan geran koperasi sejak tahun 2021. Bantuan ini dapat membantu meningkatkan kecekapan koperasi di Negeri Pulau Pinang dan secara tidak langsung menambah bilangan anggota koperasi dalam kalangan penduduk di negeri ini, selaras dengan hasrat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang yang mensasarkan 30 peratus daripada penduduk Pulau Pinang iaitu seramai 500,000 orang menjadi anggota koperasi. Usaha ini secara tidak langsung juga akan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk terutamanya golongan B40 di Negeri Pulau Pinang. Jumlah penyaluran bantuan geran koperasi dari tahun 2021 sehingga tahun 2024 adalah sebanyak RM1.4 million.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

5. Pelbagai kaedah yang disediakan oleh pihak MBSP bagi peniaga-peniaga kecil di tepi jalan bertukar ke lokasi baharu. Namun begitu lokasi baharu tersebut tidak strategik dan kurang mendapat sambutan. Apakah pihak MBSP boleh mengekalkan mereka berniaga di tapak lama dan kenakan syarat-syarat tertentu?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Pihak MBSP tidak boleh mengekalkan peniaga-peniaga kecil untuk meneruskan perniagaan di tepi jalan disebabkan keperluan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan semasa berdasarkan ketetapan seperti berikut:
- (a) Peniaga tidak dibenarkan berniaga di antara jarak radius sembilan (9) meter dari persimpangan jalan;
 - (b) Peniaga tidak dibenarkan berniaga di atas bahu jalan Persekutuan, negeri dan bandaran yang mempunyai kelebaran bahu kurang daripada tiga (3) meter atau sepuluh (10) kaki;
 - (c) Perniaga tidak dibenarkan untuk berniaga di tepi jalan yang tidak mempunyai ruang letak kenderaan kerana ia akan menimbulkan kacau ganggu lalu lintas kenderaan disebabkan halangan kenderaan pelanggan yang diletakkan di bahu jalan; dan
 - (d) Peniaga tidak dibenarkan untuk berniaga di antara jarak 50 meter daripada laluan keluar dan laluan masuk pagar sekolah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

6. Telah dimaklumkan bahawa kawasan jalan utama Telok Air Tawar hadapan Sekolah St. Mark dan Sekolah Dato' Onn telah disenaraikan dalam program *Blackspot* bagi tahun 2025 dan permohonan pembinaan jejantas telah dibincangkan.
- (a) Adakah permohonan tersebut telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kerja Raya?
 - (b) Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Permohonan pembinaan jejantas di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Mark dan SMK Dato' Onn.
- (a) Kementerian Kerja Raya (KKR) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM350 ribu bagi kerja-kerja menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan di kawasan SMK St. Mark dan SMK Dato' Onn yang merangkumi skop kerja seperti berikut:
 - (i) kerja penurapan jalan;
 - (ii) pemasangan papan tanda amaran;
 - (iii) pemasangan lampu jalan; dan
 - (iv) kerja mengecat garisan jalan.
 - (b) Projek penaiktarafan infrastruktur keselamatan jalan di kawasan ini kini sedang dalam pelaksanaan di tapak bermula 14 April 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 Jun 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

7. Dimaklumkan pihak JPS sedang menjalankan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu yang merangkumi Kampung Contoh dan Kampung Bagan Lebai Tahir yang selalu dilanda banjir bermula dari tahun lepas.
- (a) Bilakah kajian ini akan selesai?
 - (b) Bilakah projek bagi mengatasi masalah banjir ini dapat dijalankan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan Kampung Contoh dan Kampung Bagan Lebai Tahir.
- (a) Kajian ini di peringkat lantikan perunding dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada awal bulan Jun 2025. Tempoh kajian adalah selama 24 bulan.
 - (b) Bagi mengatasi masalah banjir di Bagan Lebai Tahir, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) telah memohon peruntukan bagi menjalankan projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di persisiran pantai kawasan Bagan Lebai Tahir di dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK-13) kepada Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

8. Peruntukan bagi mangsa banjir kilat yang teruk dari segi kerosakan kediaman dan harta benda yang tidak dapat diselamatkan. Apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mangsa banjir kilat yang teruk?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin terhadap nasib mangsa banjir kilat, khususnya mereka yang mengalami kerosakan teruk pada kediaman dan harta benda. Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan masing-masing juga sentiasa bersedia untuk membantu mangsa banjir kilat melalui sumbangan kewangan atau bentuk sokongan lain yang bersesuaian, selaras dengan semangat tanggungjawab sosial dan keprihatinan terhadap komuniti setempat.

Peruntukan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi membantu mangsa bencana adalah seperti berikut:

- Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000.00 diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang terksan akibat bencana dan berpindah/berdaftar di PPS. BWI hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh KIR yang ditimpa bencana semasa musim monsun dan di luar musim monsun.
- Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian) sebanyak RM10,000.00 diberikan untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana. BWI Kematian hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh waris kepada mangsa yang

meninggal dunia akibat bencana semasa musim monsun dan di luar musim monsun.

Pemberian bantuan ini dilaksanakan mengikut Tatacara Pemberian Bantuan Bencana di bawah NADMA (Pindaan Tahun 2024), dan syarat-syarat kelayakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, NADMA turut menyalurkan peruntukan pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL) kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi memastikan tindakan awal dan pengurusan bencana dapat dijalankan secara teratur dan berkesan.

Walaupun tiada peruntukan khusus disediakan di bawah Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang bagi mangsa banjir atau banjir kilat, Jawatankuasa Tabung boleh mempertimbangkan pemberian bantuan khas sekiranya berlaku kemusnahan luar jangka dan berskala besar, tertakluk kepada penilaian dan kelulusan kes demi kes.



**GARIS PANDUAN AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**TATACARA PEMBERIAN BANTUAN BENCANA
DI BAWAH AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
(PINDAAN TAHUN 2024)**

REKOD SEMAKAN/PINDAAN

TARIKH SEMAKAN/PINDAAN	MUKA SURAT	RUJUKAN PERENGKAN	BUTIRAN SEMAKAN/PINDAAN
1 November 2024	1	2.1	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Dokumen Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Arahan NADMA No. 1 telah mentafsirkan bencana sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif.”.
	1	2.2	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Arahan NADMA No. 1”.
	1	2.5	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan perenggan “Takrifan KIR adalah seorang lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli isi rumah atau ahli keluarga yang tinggal di sesuatu tempat kediaman di alamat yang sama.”
	4	3.10	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Semua JPBN dan Agensi Persekutuan yang berkaitan perlu mengemukakan permohonan peruntukan bantuan bencana kepada NADMA berdasarkan jumlah sebenar KIR mangsa bencana yang terkesan, tidak lewat daripada tempoh tiga (3) bulan selepas sesuatu bencana berakhir, sekiranya baki peruntukan sedia ada telah digunakan sepenuhnya.”
	4	4.1	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Semua JPBN, JPBD dan Agensi Persekutuan yang terlibat hendaklah mengguna pakai garis panduan ini di dalam melaksanakan bantuan bencana di bawah NADMA dan melaporkan secara bulanan kepada NADMA mengenai status pelaksanaan bantuan bencana dan perbelanjaan yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini.”
	5	4.4	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Arahan NADMA No. 1”.
	5	4.6	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan melalui e-mel kwabbn@nadma.gov.my.”
	6	1.1 (Lampiran 1)	<ul style="list-style-type: none"> Dipinda kepada “Arahan NADMA No. 1”.

TARIKH SEMAKAN/PINDAAN	MUKA SURAT	RUJUKAN PERENGKAN	BUTIRAN SEMAKAN/PINDAAN
	6	1.4 (Lampiran 1)	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan ayat “Bagi kejadian bencana ribut, pemohon mestilah berdaftar dengan JPBD sekiranya tiada PPS dibuka.”
	6	1.7 (Lampiran 1)	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan ayat “Bagi kejadian bencana yang berlaku di peringkat negeri, syarat pemberian BWI adalah bagi kejadian bencana yang melibatkan sekurang-kurangnya 10 KIR dan ke atas dalam sesuatu negeri dan bukan berdasarkan dalam sesuatu daerah.”
	9	1.1 (Lampiran 2)	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Arahan NADMA No. 1”.
	9	1.2 (Lampiran 2)	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Bantuan ini diberikan kepada waris mangsa bencana yang meninggal dunia akibat kejadian bencana sama ada semasa musim Monsun Timur Laut (MTL) atau di luar musim MTL.”
	10	1.8 (Lampiran 2)	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Bantuan ini hanya boleh dituntut oleh seorang waris sahaja kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.”
	-	(Lampiran 3)	<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan pada Lampiran 3 “Borang Akuan Permohonan Bantuan Wang Ihsan (Pemohon)” dengan penambahan butiran bagi senarai ahli isi rumah.

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Agensi Persekutuan yang terlibat mengenai tatacara pemberian bantuan bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dokumen Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Arahan NADMA No. 1 telah mentafsirkan bencana sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblerangan sumber yang ekstensif.
- 2.2 Arahan NADMA No. 1 turut menetapkan aspek pengurusan kewangan di mana Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memperuntukkan dana bagi maksud pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana.
- 2.3 Selain operasi mencari dan menyelamatkan mangsa bencana serta menguruskan mangsa bencana yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), fokus utama Kerajaan dalam pengurusan bencana adalah ke arah pengurangan risiko bencana secara berterusan melalui program-program mitigasi, kesiapsiagaan dan kesedaran menghadapi bencana.
- 2.4 Di samping itu, sebagai tanda keprihatinan Kerajaan, sumbangan bantuan bencana yang bukan merupakan suatu bentuk pampasan terhadap kerugian, disalurkan oleh NADMA kepada JPBN, JPBD dan Agensi Persekutuan yang terlibat untuk diagihkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana tertakluk kepada jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).
- 2.5 Takrifan KIR adalah seorang lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli isi rumah atau ahli keluarga yang tinggal di sesuatu tempat kediaman di alamat yang sama.

2.6 Bantuan Bencana Semasa Monsun Timur Laut (MTL)

Musim MTL bermula daripada bulan November tahun semasa sehingga bulan Mac tahun berikutnya berdasarkan kenyataan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia). Semasa musim MTL, bantuan bencana yang disediakan oleh NADMA adalah seperti berikut:

(i) Bantuan Wang Ihsan (BWI)

Bantuan sebanyak RM1,000 untuk KIR yang terkesan akibat bencana dan berpindah/berdaftar di PPS. BWI hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh KIR yang ditimpa bencana semasa musim MTL. Syarat-syarat kelayakan BWI adalah seperti di **Lampiran 1**.

(ii) Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian)

Bantuan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana. BWI Kematian hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana semasa musim MTL. Syarat-syarat kelayakan BWI Kematian adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.7 Bantuan Bencana Di Luar MTL

Selepas musim MTL iaitu daripada bulan April sehingga bulan Oktober, terdapat musim peralihan monsun dan musim Monsun Barat Daya (MBD). Di luar musim MTL, bantuan bencana yang disediakan oleh NADMA adalah seperti berikut:

(i) Bantuan Wang Ihsan (BWI)

Bantuan sebanyak RM1,000 untuk KIR yang terkesan akibat bencana dan berpindah/berdaftar di PPS. BWI hanya boleh dituntut sekali sahaja dalam tempoh tiga (3) bulan oleh KIR yang ditimpa bencana di luar musim MTL. Syarat-syarat kelayakan BWI adalah seperti di **Lampiran 1**.

(ii) Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian)

Bantuan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana. BWI Kematian hanya boleh dituntut sekali sahaja oleh waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana di luar musim MTL. Syarat-syarat kelayakan BWI Kematian adalah seperti di **Lampiran 2**.

3. TATACARA PEMBERIAN BANTUAN BENCANA

- 3.1 Secara umumnya, bantuan bencana hanya diberikan kepada mangsa bencana dari kalangan warganegara Malaysia yang berpindah/berdaftar di PPS sahaja.
- 3.2 Mangsa bencana yang berpindah ke PPS perlu mendaftar dengan petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di mana permohonan mereka akan dikemukakan oleh petugas JKM kepada JPBD untuk semakan dan pengesahan.
- 3.3 Melalui senarai pendaftaran mangsa bencana tersebut, sumbangan BWI akan diberikan kepada seorang KIR sahaja tanpa mengira bilangan ahli keluarga atau isi rumah yang tinggal di dalam rumah kediaman yang sama.
- 3.4 Bagi BWI Kematian, sumbangan akan diberikan kepada waris mangsa bencana yang mendaftar dengan ketua masyarakat berdasarkan bilangan ahli keluarga yang meninggal dunia.
- 3.5 Permohonan BWI Kematian akan dikemukakan oleh ketua masyarakat kepada JPBD untuk semakan dan pengesahan.
- 3.6 Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan maklumat permohonan adalah benar dan tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya terdapat sebarang unsur penipuan atau pemalsuan permohonan seperti permohonan dari kalangan bukan warganegara, permohonan dari bukan mangsa yang terkesan, permohonan bertindih dari ahli keluarga yang sama dan permohonan bertindih dari KIR yang sama di beberapa JPBD berlainan.

- 3.7 JPBD hendaklah menggunakan Borang Akuan Pemohon seperti di **Lampiran 3** bagi permohonan BWI serta Borang Akuan Pemohon dan Ketua Masyarakat seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5** bagi permohonan BWI Kematian.
- 3.8 Penggunaan borang-borang akuan tersebut adalah untuk memastikan ketelusan maklumat permohonan bantuan untuk mengelakkan sebarang ketirisan dan menjadi tanggungjawab serta akauntabiliti bagi pemohon dan juga ketua masyarakat.
- 3.9 Kaedah penggunaan borang-borang tersebut adalah tertakluk kepada proses pengesahan di peringkat JPBD sama ada menggunakan borang cetakan atau sistem aplikasi.
- 3.10 Semua JPBN dan Agensi Persekutuan yang berkaitan perlu mengemukakan permohonan peruntukan bantuan bencana kepada NADMA berdasarkan jumlah sebenar KIR mangsa bencana yang terkesan, tidak lewat daripada tempoh tiga (3) bulan selepas sesuatu bencana berakhir, sekiranya baki peruntukan sedia ada telah digunakan sepenuhnya. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan oleh NADMA.

4. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN

- 4.1 Semua JPBN, JPBD dan Agensi Persekutuan yang terlibat hendaklah mengguna pakai garis panduan ini di dalam melaksanakan bantuan bencana di bawah NADMA dan melaporkan secara bulanan kepada NADMA mengenai status pelaksanaan bantuan bencana dan perbelanjaan yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini. Permohonan peruntukan tambahan tidak akan dipertimbangkan oleh NADMA sekiranya tiada laporan yang dikemukakan.
- 4.2 Selain bantuan bencana di bawah NADMA, semua JPBN dan JPBD boleh melaksanakan pengagihan bantuan lain di bawah peruntukan negeri masing-masing tetapi pengagihan bantuan bencana di bawah NADMA hendaklah dinyatakan dengan jelas sumber peruntutannya adalah daripada Kerajaan Pusat.

- 4.3 Semua pengagihan bantuan bencana hendaklah disampaikan secara terus oleh JPBD kepada KIR mangsa bencana yang layak. Jika sesuatu majlis penyampaian ingin diadakan di peringkat JPBN atau JPBD, kos penganjuran majlis hendaklah ditampung melalui peruntukan daripada negeri dan daerah masing-masing.
- 4.4 Pemberian bantuan bencana di bawah garis panduan ini terpakai bagi kejadian bencana alam utama yang pernah berlaku dalam negara iaitu kejadian banjir, tanah runtuh, ribut taufan, gempa bumi dan tsunami atau lain-lain seperti yang diisytiharkan oleh JPBP, JPBN atau JPBD berdasarkan tafsiran kejadian bencana Arahan NADMA No. 1.
- 4.5 NADMA boleh membuat pindaan terhadap garis panduan ini sekiranya terdapat keperluan.
- 4.6 Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan melalui e-mel kwabbn@nadma.gov.my.

5. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia ditandatangani.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS)

Ketua Pengarah

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Jabatan Perdana Menteri

Putrajaya

Tarikh: / November 2024

BANTUAN WANG IHSAN (BWI)

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BWI

- 1.1 Bantuan ini terpakai bagi bencana alam utama yang pernah berlaku iaitu banjir, tanah runtuh, ribut/taufan, gempa bumi dan tsunami atau lain-lain seperti yang diisytiharkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berdasarkan tafsiran kejadian bencana Arahan NADMA No. 1.
- 1.2 Bantuan ini hanya diberikan **sekali sahaja apabila ditimpa bencana semasa musim Monsun Timur Laut (MTL)**.
- 1.3 Bagi kejadian bencana di luar musim MTL, bantuan ini hanya diberikan **sekali sahaja dalam tempoh tiga (3) bulan ditimpa bencana**.
- 1.4 Pemohon mestilah **warganegara Malaysia yang berpindah/berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Bagi kejadian bencana ribut, pemohon mestilah berdaftar dengan JPBD sekiranya tiada PPS dibuka.
- 1.5 Pemohon mestilah merupakan **Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana** yang menduduki **rumah kediaman persendirian** ketika kejadian bencana berlaku.
- 1.6 **Rumah kediaman persendirian berbilang tingkat juga layak** menerima bantuan ini **sekiranya terjejas** akibat bencana namun tertakluk kepada unit-unit rumah yang berada di tingkat yang terjejas sahaja dan bukannya keseluruhan unit di bangunan tersebut.
- 1.7 Bantuan ini diberikan bagi kejadian bencana yang berlaku dalam **sesuatu daerah** yang melibatkan sekurang-kurangnya **sepuluh (10) KIR dan ke atas**. Bagi kejadian bencana yang berlaku di **peringkat negeri**, syarat pemberian BWI adalah bagi kejadian bencana yang melibatkan sekurang-kurangnya **10 KIR dan ke atas dalam sesuatu negeri** dan **bukan berdasarkan dalam sesuatu daerah**.

LAMPIRAN 1

- 1.8 Bantuan ini terhad kepada **seorang (1) KIR sahaja** tanpa mengira bilangan isi rumah atau ahli keluarga yang tinggal di dalam rumah kediaman yang sama.
- 1.9 Rumah kediaman adalah dikira sebagai satu (1) unit rumah sahaja sekiranya menggunakan **alamat yang sama** kecuali bagi rumah panjang di Sarawak dan Sabah yang dikira sebagai rumah yang berasingan bagi setiap bilik kelamin.
- 1.10 Setiap KIR hanya layak menerima bantuan bagi **sebuah (1) rumah sahaja** yang terjejas akibat bencana tanpa mengira bilangan rumah yang dimiliki atau terjejas akibat bencana.
- 1.11 Penyewa rumah juga boleh memohon bantuan ini tetapi hanya **seorang (1) isi rumah sahaja** di kalangan penyewa rumah yang layak memohon.
- 1.12 Tuan rumah tidak layak memohon bantuan ini bagi rumah sewa sama ada rumah sewa tersebut diduduki atau tidak diduduki oleh penyewa.
- 1.13 Pemohon yang berpindah ke PPS perlu mendaftar nama dan maklumat peribadi dengan petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 1.14 Kategori rumah yang **tidak layak** untuk memohon bantuan ini adalah termasuk:
 - (i) Rumah yang tidak diduduki;
 - (ii) Rumah tidak terkesan bencana (terkepung akibat banjir);
 - (iii) Unit rumah berbilang tingkat tidak terkesan bencana;
 - (iv) Rumah setingan;
 - (v) Rumah kedai; dan
 - (vi) Premis perniagaan (*homestay*, hotel dan lain-lain).

2. PROSES PERMOHONAN BWI

- 2.1 Senarai permohonan termasuk Borang Akaan Pemohon seperti di **Lampiran 3** akan dikumpulkan oleh **petugas JKM** sebelum diserahkan kepada Pejabat Daerah.

LAMPIRAN 1

- 2.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dalam tempoh **satu (1) bulan selepas sesuatu bencana berakhir**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 2.3 Kelayakan bantuan adalah tertakluk kepada **semakan dan pengesahan oleh Pegawai Daerah** selaku Pengerusi JPBD dan diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi JPBN.
- 2.4 NADMA akan mempertimbangkan dan **menyalurkan peruntukan** kepada JBPN atau Agensi Persekutuan yang terlibat berdasarkan jumlah sebenar KIR mangsa bencana yang dilaporkan oleh JBPN atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.5 Permohonan peruntukan bagi bantuan bencana daripada JPBN atau Agensi Persekutuan yang terlibat kepada NADMA hendaklah **dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamatnya sesuatu bencana**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 2.6 Penyerahan bantuan ini kepada KIR adalah melalui Pejabat Daerah masing-masing atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.7 Kaedah penyerahan bantuan kepada KIR boleh dibuat dalam bentuk **wang tunai** atau **Electronic Fund Transfer (EFT)** bergantung kepada Pejabat Daerah masing-masing atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.8 Semua JPBN, JPBD dan Agensi Persekutuan yang terlibat hendaklah melaporkan kepada NADMA status pelaksanaan bantuan dan perbelanjaan **dalam tempoh satu (1) bulan selepas sesuatu bencana berakhir**. Permohonan peruntukan tambahan tidak akan dipertimbangkan oleh NADMA sekiranya tiada laporan yang dikemukakan.

- Tamat -

BANTUAN WANG IHSAN KEMATIAN (BWI KEMATIAN)

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BWI KEMATIAN

- 1.1 Bantuan ini terpakai bagi bencana alam utama yang pernah berlaku iaitu banjir, tanah runtuh, ribut/taufan, gempa bumi dan tsunami atau lain-lain seperti yang diisytiharkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berdasarkan tafsiran kejadian bencana Arahan NADMA No. 1.
- 1.2 Bantuan ini diberikan kepada waris mangsa bencana yang meninggal dunia akibat kejadian bencana sama ada **semasa musim Monsun Timur Laut (MTL)** atau **di luar musim MTL**.
- 1.3 Mangsa bencana mestilah **warganegara Malaysia** dan mempunyai **Sijil Kematian** atau **Laporan Polis** atau **Laporan Kematian yang disahkan oleh Pegawai Perubatan**.
- 1.4 Mangsa bencana hendaklah mangsa yang **meninggal dunia akibat kejadian bencana secara langsung** termasuk mangsa yang lemas semasa banjir atau tertimbus semasa tanah runtuh dan lain-lain yang seumpamanya.
- 1.5 Bantuan ini diberikan kepada waris mangsa bencana berdasarkan **bilangan ahli keluarga yang meninggal dunia**.
- 1.6 Pemohon mestilah **warganegara Malaysia**.
- 1.7 Pemohon mestilah **waris mangsa bencana** yang mempunyai **pertalian keluarga terdekat dengan mangsa bencana** seperti suami/isteri, ibubapa, anak dan adik-beradik serta mempunyai dokumen sokongan pertalian keluarga seperti Surat Nikah, Sijil Perkahwinan, Sijil Kelahiran dan lain-lain.

- 1.8 **Bantuan ini hanya boleh dituntut oleh seorang waris sahaja kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.** Permohonan yang seterusnya daripada ahli keluarga yang lain tidak akan dipertimbangkan.
- 1.9 Pemohon perlu mendaftar nama dan maklumat peribadi mangsa bencana serta pemohon kepada ketua masyarakat.
- 1.10 Ketua masyarakat adalah terdiri daripada:
 - (i) Penghulu;
 - (ii) Ketua Kampung;
 - (iii) Pengerusi Persatuan Penduduk;
 - (iv) Pengerusi Badan Pengurusan Bersama;
 - (v) Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk;
 - (vi) Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan;
 - (vii) Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (DUN);
 - (viii) Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung; dan
 - (ix) Wakil yang dilantik oleh Kerajaan.

2. PROSES PERMOHONAN BWI KEMATIAN

- 2.1 Senarai permohonan termasuk Borang Akaan Pemohon seperti di **Lampiran 4** dan Borang Pengesahan Ketua Masyarakat seperti di **Lampiran 5** akan dikumpulkan oleh **ketua masyarakat** sebelum diserahkan kepada Pejabat Daerah.
- 2.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dalam tempoh **satu (1) bulan selepas sesuatu bencana berakhir.** Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 2.3 Kelayakan bantuan adalah tertakluk kepada **semakan dan pengesahan oleh Pegawai Daerah** selaku Pengerusi JPBD dan diperakukan/diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi JPBN.

LAMPIRAN 2

- 2.4 NADMA akan mempertimbangkan dan **menyalurkan peruntukan** kepada JBPN atau Agensi Persekutuan yang terlibat berdasarkan jumlah sebenar mangsa bencana yang meninggal dunia akibat kejadian bencana yang dilaporkan oleh JBPN atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.5 Permohonan peruntukan bagi bantuan bencana daripada JPBN atau Agensi Persekutuan yang terlibat kepada NADMA hendaklah **dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas sesuatu bencana berakhir**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 2.6 Penyerahan bantuan ini kepada waris mangsa bencana adalah melalui Pejabat Daerah masing-masing atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.7 Kaedah penyerahan bantuan kepada waris mangsa bencana boleh dibuat dalam bentuk **wang tunai** atau ***Electronic Fund Transfer (EFT)*** bergantung kepada Pejabat Daerah masing-masing atau Agensi Persekutuan yang terlibat.
- 2.8 Semua JPBN, JPBD dan Agensi Persekutuan yang terlibat hendaklah melaporkan kepada NADMA status pelaksanaan bantuan dan perbelanjaan **dalam tempoh satu (1) bulan selepas sesuatu bencana berakhir**. Permohonan peruntukan tambahan tidak akan dipertimbangkan oleh NADMA sekiranya tiada laporan yang dikemukakan.

- Tamat -



**AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)
BORANG AKUAN PERMOHONAN BANTUAN WANG IHSAN
OLEH PEMOHON / KETUA ISI RUMAH (KIR)**

A) BUTIRAN PEMOHON / KETUA ISI RUMAH (KIR)

1. Nama (seperti di dalam kad pengenalan) :
2. No. kad pengenalan :
3. Alamat :
4. Poskod :5. Daerah.....6. Negeri :
7. Nama bank: 8. No akaun bank :
9. No telefon (HP): 10. Emel :

**Bagi pendaftaran awal,maklumat di bawah tidak perlu diisi. Bagi pemohon yang memohon selepas bencana berlaku,sila lengkapkan butiran yang berkenaan*

10. Bencana: Banjir Ribut Taufan Lain-lain : nyatakan..... pada(tarikh).....

B) PERAKUAN

Saya seperti butiran di atas,merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang memohon BWI sebanyak RM1,000. Saya mewakili Ahli Isi Rumah (AIR) seperti butiran (C) di bawah telah membaca dan memahami garis panduan BWI yang dikeluarkan oleh NADMA serta akur terhadap syarat-syarat kelayakan seperti yang telah ditetapkan.

Saya faham bahawa: –

(a) sekiranya saya memberi atau menggunakan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat untuk memperdayakan bagi kepentingan dan keuntungan peribadi, saya boleh didakwa di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada lima (5) kali nilai suapan / nilai pemalsuan atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi; dan

(b) sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah seksyen 420 atau 468 Kanun Keseksaan yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dan tidak melebihi sepuluh (10) tahun serta sebatan dan denda (seksyen 420) dan hukuman penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun dan denda (seksyen 468).

C) BUTIRAN AHLI ISI RUMAH (AIR)

BIL	NAMA	HUBUNGAN	NO. KAD PENGENALAN
1			
2			
3			
4			

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nota: borang ini hanya perlu diisi sekali sahaja. Kemaskini hanya perlu dilakukan sekiranya berlaku pertukaran KIR,AIR atau alamat. Versi digital boleh dilayari di <https://www.nadma.gov.my> .Tandatangan tidak diperlukan bagi versi digital.



**BORANG AKUAN PERMOHONAN BANTUAN WANG IHSAN
KEMATIAN (PEMOHON)**

Saya.....
 No. Kad Pengenalan.....merupakan waris mangsa
 bencana yang memohon Bantuan Wang Ihsan Kematian sebanyak RM10,000.00 untuk
 mangsa bencana bernama.....
 No. Kad Pengenalan.....yang meninggal dunia akibat
 bencana.....pada..... di
 alamat.....

 daerah.....negeri.....

Saya faham bahawa:-

- (a) sekiranya saya memberi atau menggunakan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat untuk memperdayakan bagi kepentingan dan keuntungan peribadi, saya boleh didakwa di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada lima (5) kali nilai suapan / nilai pemalsuan atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi; dan
- (b) sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah seksyen 420 atau 468 Kanun Keseksaan yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dan tidak melebihi sepuluh (10) tahun serta sebatan dan denda (seksyen 420) dan hukuman penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun dan denda (seksyen 468).

Tandatangan :
Tarikh :
No. Telefon :
Nama Bank :
No. Akaun Bank :



**BORANG AKUAN PENGESAHAN PERMOHONAN BANTUAN WANG
IHSAN KEMATIAN (KETUA MASYARAKAT)**

Saya,.....
No. Kad Pengenalan: dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengakui senarai dan maklumat penerima
Bantuan Wang Ihsan Kematian untuk bencana
di daerah pada yang
saya sahkan ini adalah benar.

Saya faham bahawa: –

(a) sekiranya saya memberi atau menggunakan apa-apa dokumen yang
mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat
untuk memperdayakan bagi kepentingan dan keuntungan peribadi, saya
boleh didakwa di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia 2009 yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah,
saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua
puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada lima (5) kali nilai
suapan/nilai pemalsuan atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang
lebih tinggi; dan

(b) sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen
dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah seksyen 420 dan 468
Kanun Keseksaan yang mana sekiranya disabitkan oleh mahkamah, saya
boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu
(1) tahun dan tidak melebihi sepuluh (10) tahun serta sebatan dan denda
(seksyen 420) dan hukuman penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun dan
denda (seksyen 468).

Tandatangan :
Cop Jawatan :

Tarikh :

*(Ketua masyarakat ialah Penghulu/Ketua Kampung/Pengerusi Persatuan
Penduduk/Pengerusi Badan Pengurusan Bersama/Pengerusi Majlis Perwakilan
Penduduk/Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung
Persekutuan/Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan & Penyelarasan DUN/Pengerusi
Majlis Pengurusan Komuniti Kampung/Wakil yang dilantik oleh Kerajaan)*

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

9. Jualan makanan ringan yang tidak sesuai untuk kanak-kanak dan membahayakan kesihatan.
- (a) Apakah pantauan dibuat oleh pihak yang berkenaan untuk mengelakkan jualan makan ringan yang membahayakan kesihatan kanak-kanak?
 - (b) Apakah inisiatif lain bagi mencegahnya?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) telah melaksanakan pelbagai langkah pemantauan bagi mengawal penjualan makanan ringan yang tidak sesuai dan boleh membahayakan kesihatan kanak-kanak. Pemantauan ini dijalankan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- (a) Antara langkah pemantauan yang diambil termasuklah:
 - (i) Pemeriksaan berkala ke atas premis-premis jualan seperti kantin dan koperasi sekolah;
 - (ii) Pensampelan makanan ringan untuk analisis makmal bagi mengesan bahan terlarang yang tidak dibenarkan;
 - (iii) Penguatkuasaan ke atas produk makanan ringan yang tidak mematuhi keperluan perundangan seperti pelabelan

palsu, penggunaan bahan terlarang, atau produk yang tidak selamat; dan

- (iv) JKNPP juga menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan makanan yang dijual di sekolah adalah selamat dan sihat untuk murid.
- (b) Selain aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan, JKNPP turut melaksanakan beberapa inisiatif pencegahan lain. Antaranya ialah program pendidikan dan kesedaran yang merangkumi kempen seperti;
- (i) Program *Germ Buster*, ceramah kesihatan di sekolah serta pengedaran bahan pendidikan kepada ibu bapa, penjaga dan masyarakat setempat mengenai pentingnya memilih makanan yang selamat dan berkualiti; dan
 - (ii) Mempromosikan pilihan makanan sihat melalui kerjasama dengan peniaga dan pengusaha kantin sekolah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

10. Warga asing yang memandu kenderaan di Malaysia, ada yang mempunyai lesen tetapi kebanyakannya tiada lesen memandu yang sah. Apakah langkah untuk mencegah perkara tersebut daripada terus berleluasa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Setiap individu termasuk warga asing yang ingin memandu di negara ini adalah diwajibkan memiliki lesen memandu yang sah, sama ada lesen yang dikeluarkan oleh negara asal dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau lesen memandu antarabangsa.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani isu ini termasuklah:

1. **Penguatkuasaan bersepadu** yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguat kuasa lain terhadap warga asing yang didapati memandu tanpa lesen memandu yang sah.
2. **Pelaksanaan operasi khas dan pemeriksaan berkala** di kawasan-kawasan strategik yang dikenal pasti mempunyai kehadiran tinggi warga asing, khususnya di kawasan perindustrian, tapak pembinaan dan pusat bandar.
3. **Kerjasama dengan majikan serta agensi pengambilan pekerja asing** bagi memastikan pematuhan kepada syarat memiliki lesen memandu sah sebelum pengambilan atau penempatan pekerja dilaksanakan.

4. **Kempen kesedaran secara berterusan** melalui pelbagai saluran media berhubung keperluan memiliki lesen memandu yang sah serta implikasi undang-undang sekiranya memandu tanpa lesen.

Kerajaan akan terus komited dalam memperketatkan penguatkuasaan dan memperhalusi undang-undang sedia ada bagi memastikan keselamatan jalan raya sentiasa terjamin serta undang-undang lalu lintas dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk warga asing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

11. Apakah status projek terowong dasar laut yang dimulakan dahulu?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Status Projek Terowong Dasar Laut dalam pertimbangan Kerajaan Negeri untuk diteruskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut mempertimbangkan cadangan reka bentuk yang baharu di mana ianya masih dalam peringkat kajian pelaksanaan. Kajian ini melibatkan kepentingan pihak pemegang taruh seperti agensi kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa tempatan, pihak konsesi dan pihak-pihak terlibat sebelum ianya dimuktamadkan secara prinsip. Justeru, projek ini akan diteruskan ke peringkat seterusnya apabila keputusan secara prinsip diperolehi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

12. Sistem lampu isyarat yang terlalu cepat bertukar dan kurang sesuai di jalan-jalan yang sesak sewaktu pergi dan balik kerja. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menilai semula keberkesanannya untuk mengelakkan kesesakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Tujuan pemasangan sistem lampu isyarat di persimpangan jalan adalah untuk melancarkan aliran lalu lintas di samping meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya. Berikut merupakan langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan keberkesanan sistem lampu isyarat untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas iaitu:
- (a) Melaksanakan kajian di tapak untuk mengumpulkan data seperti isipadu lalu lintas dan mengkaji kesesuaian serta keperluan pemasangan sistem lampu isyarat di persimpangan tersebut;
 - (b) Tempoh kitaran dan tempoh lampu hijau untuk aliran trafik dari setiap arah adalah ditetapkan mengikut kesesuaiannya berdasarkan data trafik yang telah dikumpul dan pemantauan di tapak;
 - (c) Isipadu trafik dan keadaan lalu lintas di setiap persimpangan boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada waktu, hari, dan faktor persekitaran;

- (d) Penelitian dan lawatan tapak secara berkala di persimpangan jalan terbabit bagi memastikan keberkesanan fungsi sistem lampu isyarat tersebut; dan
- (e) Memastikan alat pengesan kenderaan yang dipasang di jalan berdekatan dengan sistem lampu isyarat dapat berfungsi dengan baik untuk mengawal dan mengoptimumkan aliran trafik dengan cara mengesan kehadiran dan jumlah kenderaan pada sesuatu persimpangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

13. Parkir kenderaan di tempat letak kenderaan di Jeti Pulau Aman.
- (a) Adakah relevan bayaran yang dikenakan oleh penyelenggara tempat tersebut dengan bayaran yang terlalu mahal?
 - (b) Mengapakah penyelenggaraan di tempat letak kenderaan tersebut tidak diberikan hak kepada pihak yang lebih berhak seperti MPKK atau persatuan dari penduduk setempat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Berdasarkan semakan rekod Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, tapak kawasan meletak kenderaan di Jeti Batu Musang merupakan Tanah Kerajaan yang telah dibuat pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan dikawal selia oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Parkir kenderaan di Jeti Pulau Aman tidak berada di bawah seliaan PDC. Namun parkir Jeti Batu Musang adalah di bawah seliaan PDC. Pihak PDC telah menyewakan tempat letak kereta (parkir) di Jeti Batu Musang kepada Kelab Bola Sepak Bukit Tambun (KBSBT). Dalam masa yang sama, PDC turut menerima aduan bahawa kadar bayaran dikenakan adalah terlalu tinggi.

Satu sesi perbincangan telah diadakan antara pihak PDC dan KBSBT bagi mencari jalan penyelesaian terhadap aduan yang kerap diterima. Dapatan dari perbincangan, pihak KBSBT turut mengadakan pertemuan dengan wakil penduduk setempat

dan pengguna perkhidmatan parker. Berdasarkan maklum balas dan rundingan bersama semua pihak berkepentingan, satu persetujuan telah dicapai untuk menurunkan kadar bayaran parkir, sebagaimana yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A.**

- (b) Penyelenggaraan premis Jeti Batu Musang dan tempat meletak kenderaan sebelum ini telah diberikan kepada Koperasi Qaryah Masjid Batu Kawan dan PDC telah membayar koperasi tersebut pada kadar RM5,000.00 sebulan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pengurusan Kompleks.

Hasil daripada pemantauan yang dilakukan, tahap penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh Koperasi tersebut didapati tidak memuaskan. Pihak PDC telah mengambil keputusan untuk menyerahkan semula pengurusan kompleks ini kepada KBSBT.

KBSBT telah bersetuju untuk mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan penyelenggaraan, pembaikan, serta pengurusan Kompleks Jeti Batu Musang. Sebagai imbalannya, KBSBT perlu membayar sewaan bulanan kepada PDC. Langkah ini bukan sahaja membantu PDC untuk mengurangkan kos pengurusan, tetapi juga dapat membantu PDC untuk menjana hasil daripada sewaan bulanan.

LAMPIRAN A**KADAR BAYARAN TEMPAT LETAK KENDERAAN
JETI BATU MUSANG**

BIL	PERKARA	JENIS KENDERAAN	MASA	HARI	
				ISNIN-JUMAAT	SABTU, AHAD & CUTI UMUM
1.	Sebelum	Kereta	Sekali Masuk	RM3.00/ 'Entry'	RM5.00/ 'Entry'
		Motosikal		Percuma	Percuma
2.	Selepas	Kereta	30 mint pertama	Percuma	Percuma
			2 Jam pertama	RM2.00	RM3.00
			Jam Berikut	RM0.50	RM0.50
			Kadar Maksimum Sehari	RM5.00	RM8.00
			Kadar Maksimum Sehari > 1 hari	RM5.00	RM8.00
		Motosikal	Sekali Masuk	Percuma	Percuma

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

14. Parkir di Stadium Batu Kawan.

- (a) Mengapakah ada syarikat lain yang menggunakan kemudahan tempat letak kenderaan di stadium tersebut sehingga mengganggu pengguna yang ingin datang ke stadium?
- (b) Apakah tiada pengawasan khusus di kawasan tersebut?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Berkenaan terdapat kenderaan lain yang meletakkan kenderaan di parkir Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan iaitu di Tapak Parkir C (24,428.88 meter persegi) dan Tapak Parkir G (9,076 meter persegi) adalah disebabkan tapak tersebut telah disewakan kepada syarikat Jelita Menawan Logistic Sdn Bhd bagi tujuan kegunaan tempat parkir kenderaan dengan kadar sewa sebanyak RM40,000.00 sebulan.

Penyewaan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban kewangan pihak pengurusan Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP).

- (b) Parkir tersebut sememangnya tiada pengawasan kerana telah disewakan kepada pihak lain. Sebagai maklumat tambahan, masih terdapat tempat parkir lain iaitu Tapak Parkir D (45,780 meter persegi) dan Tapak Parkir F (5,946 meter persegi) untuk kegunaan pengguna yang ingin menjalankan aktiviti sukan atau riadah di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

15. Mendalamkan muara Sungai Abdul Telok Air Tawar.
- (a) Bolehkah pihak yang berkenaan mengambil satu langkah mendalamkan semula muara bagi mengatasi kesulitan para nelayan yang meletakkan bot mereka di muara Sungai Abdul yang semakin cetek?
 - (b) Adakah cadangan untuk menambah baik kawasan jeti nelayan tersebut dengan kemudahan infrastruktur yang sesuai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja pengorekan muara setiap dua (2) tahun sekali bagi mengatasi masalah muara sungai yang cetek seperti dihadapi oleh para nelayan. Walau bagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa. Berkaitan itu, JPSPP mengambil maklum akan keadaan di muara Sungai Abdul dan akan melaksanakan pemantauan serta melihat keperluan pelaksanaan projek pendalaman di muara sungai tersebut.
- (b) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertanggungjawab dalam menyediakan dan menguruskan kemudahan pendaratan ikan bagi memastikan nelayan dapat mendaratkan hasil tangkapan dalam usaha memperkasakan ekonomi rakyat khususnya para nelayan.

LKIM Pulau Pinang sedia maklum dengan keadaan jeti nelayan di Sungai Abdul yang memerlukan kerja-kerja penaiktarafan. Anggaran peruntukan yang diperlukan bagi kerja-kerja menaik taraf keseluruhan jeti ini adalah sebanyak RM300,000.00 dan LKIM Pulau Pinang telah membuat permohonan peruntukan untuk kerja-kerja penaiktarafan jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan peruntukan keseluruhan tidak diberikan lantaran kekangan bajet. Berkaitan itu, Ibu Pejabat LKIM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM37,000.00 bagi pelaksanaan kerja-kerja baik pulih bumbung jeti yang rosak dan kerja-kerja mendesak yang berkaitan buat masa ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

16. Kekurangan rumah mampu milik di kawasan Telok Air Tawar dengan kepadatan penduduk B40 yang semakin meningkat. Adakah cadangan pihak Kerajaan Negeri untuk membangunkan kediaman seperti rumah dan flat mampu milik di kawasan Telok Air Tawar?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Sehingga tarikh berakhir 20 April 2025, sebanyak 485 unit telah dikenal pasti di Kawasan Telok Air Tawar dengan pecahan sebanyak 229 unit telah siap dibina dan 256 unit sedang dalam peringkat pelaksanaan pembinaan.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keperluan perumahan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah (B40). Keperluan perumahan terutamanya Rumah MutiaraKu (RMKu) di kawasan Telok Air Tawar akan dapat ditampung melalui pembangunan perumahan di kawasan berdekatan seperti di KADUN Sungai Dua yang kini dalam peringkat perancangan dengan penyediaan sebanyak 3,549 unit. Selain itu, sebanyak 189 unit bagi kategori RMKu A turut akan dibina di KADUN Bertam. Kerajaan Negeri juga akan terus meneliti tapak dan lokasi yang sesuai di sekitar kawasan berhampiran KADUN Telok Air Tawar bagi memastikan pembangunan dan agihan perumahan dapat dilaksanakan secara seimbang dan menyeluruh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

17. Kapasiti kenderaan yang menggunakan laluan di kawasan Telok Air Tawar semakin meningkat jumlahnya terutama jalan-jalan yang sempit. Adakah cadangan pihak Kerajaan Negeri untuk meneliti semula pelebaran jalan yang sempit iaitu jalan yang menghubungkan Permatang Binjal dan Pekan Darat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan peningkatan kapasiti kenderaan yang menggunakan laluan di kawasan Teluk Air Tawar. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk melebarkan jalan yang menghubungkan Permatang Binjai dan Pekan Darat.

Ini kerana Jabatan Kerja Raya (JKR) kini sedang dalam proses menaik taraf Jalan Persekutuan dari Permatang Pak Elong menuju ke persimpangan Butterworth Outer Ring Road (BORR) dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong yang dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Teluk Air Tawar. Kerja-kerja awalan (Kajian Trafik dan Kerja Ukur) bagi projek tersebut telah selesai dilaksanakan. Projek ini akan dilaksanakan setelah peruntukan diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK-13).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

18. Pemasangan lampu jalan di kawasan taman rekreasi dan trek jogging perlu diperbanyakkan bagi menjaga keselamatan pengunjung dari haiwan berbisa atau kes samun. Bolehkah pihak yang berkenaan membuat penambahan lampu jalan di kawasan trek jogging di antara Robina Park dan Quayside Clear Water Bay?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Taman rekreasi dan *trek jogging* di kawasan Seberang Perai yang di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Seberang Prai (MBSP) kebanyakannya telah dilengkapi dengan kemudahan pencahayaan lampu kawasan.
 - (a) Taman rekreasi di sekitar kawasan *trek jogging* tersebut telah dipasang lampu jenis solar dan lampu tiang konkrit Tenaga Nasional Berhad (TNB). Namun begitu, MBSP akan berbincang dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) untuk pertambahan lampu jalan di kawasan *trek jogging* di antara Robina Park dan Quayside Clear Water Bay.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

19. Mohon Kerajaan Negeri atau pihak yang berkenaan meletakkan papan isyarat kurangkan laju (50 km) di kawasan-kawasan sekolah dan juga menambahkan garisan kuning atau coklat yang tebal di kiri kanan jalan besar sebelum kawasan sekolah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Papan isyarat Kurangkan Laju di kawasan sekolah merupakan elemen penting dalam memastikan keselamatan murid dan pengguna jalan raya lain di sekitar sekolah. Ia memberi amaran awal kepada pemandu untuk memperlahankan kenderaan dan meningkatkan kewaspadaan. Tujuan utama pemasangan papan tanda isyarat kurangkan laju ini dipasang adalah untuk memberi amaran kepada pemandu bahawa mereka memasuki zon sekolah, mengurangkan risiko kemalangan melibatkan pelajar, guru, dan penjaga serta memastikan kelajuan dipatuhi, terutama pada waktu masuk dan keluar sekolah.

Perabut jalan seperti cat garisan kuning berganda dan papan tanda Zon Sekolah di atas jalan ialah salah satu pendekatan berkesan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya di kawasan sekolah. Ia berfungsi sebagai isyarat visual tambahan kepada pemandu supaya lebih berhati-hati dan memperlahankan kenderaan. Fungsi utama garisan kuning berganda adalah untuk melarang pemandu berhenti atau meletakkan kenderaan di sisi jalan dan sangat bersesuaian digunakan terutamanya di kawasan tumpuan tinggi seperti sekolah, hospital dan simpang utama.

Permohonan mengenai pemasangan perabut jalan seperti tanda Zon Sekolah, Kurangkan Laju, Cat Garisan Kuning Berganda boleh dimohon kepada pihak pemilik jalan sama ada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia yang telah bersidang pada 29 April 2025 telah membentangkan kertas bertajuk Zon Sekolah Selamat. Kertas ini akan diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesyakan Jalan Raya (JKMKKJR) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada bulan Mei nanti untuk menyokong pematuhan had laju maksimum di kawasan sekolah iaitu 30 km/j. Beberapa sekolah akan dipilih oleh MJKR Negeri sebagai sekolah perintis untuk program Zon Sekolah Selamat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

20. Kekurangan beras tempatan dan harga yang tidak menentu di kedai-kedai runcit dan pasar raya di kawasan Telok Air Tawar.
- (a) Bagaimanakah pemantauan dibuat oleh pihak yang berkaitan bagi menyelaraskan kemasukan dan jualan beras tempatan?
 - (b) Apakah tindakan undang-undang yang telah diambil kepada peniaga-peniaga yang meletakkan harga beras dengan sesuka hati?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Terdapat 13 pelesen runcit beras yang aktif tetapi hanya empat (4) pelesen runcit beras sahaja yang membuat tempahan dan menjual Beras Putih Tempatan (BPT) di kawasan Telok Air Tawar. Jumlah BPT yang dijual adalah sebanyak 4,200 kampak bagi tempoh Mac hingga April 2025.
- (a) Bagi tujuan penyelarasan, pengedaran BPT adalah melalui pelesen-pelesen borong beras yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Program Khas Beras Putih Tempatan Bersubsidi 2025 bagi tempoh enam (6) bulan bermula 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025. Jualan BPT adalah tertakluk kepada keperluan dan tempahan yang dibuat oleh pelesen-pelesen runcit beras kepada pelesen borong beras yang telah dilantik tersebut.

- (b) Harga kawalan maksimum bagi BPT adalah pada RM2.60 sekilogram melalui Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) 1992, P.U.(A) 547. Sekiranya pelesen-pelesen runcit beras (peniaga-peniaga) meletakkan harga atau menjual BPT pada harga melebihi harga kawalan maksimum iaitu RM26.00 per 10 kilogram, ia adalah suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]. Walau bagaimanapun, pelesen-pelesen runcit beras (peniaga-peniaga) boleh meletakkan apa-apa harga atau menjual BPT pada harga RM26.00 per 10 kilogram atau kurang dari RM26.00 per 10 kilogram.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

21. Apakah ada perancangan untuk menaik taraf Klinik Desa di Telok Air Tawar agar lebih moden dan bersesuaian?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Klinik Desa Telok Air Tawar akan terlibat dalam penjajaran jalan *Butterworth Outer Ring Road* (BORR) yang dijangka akan bermula seawal hujung tahun 2025. Oleh kerana klinik ini berada dalam kawasan penjajaran, maka pada masa ini, kerja-kerja naik taraf yang dijalankan adalah melibatkan keperluan semasa seperti pembaikan kecil.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

22. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempromosikan sistem kitar semula barang terpakai yang dilihat hambar dan tiada sambutan oleh para penduduk?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited memperkukuh amalan kitar semula melalui pelbagai inisiatif yang digerakkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan *Penang Green Council* (PGC). Antara langkah utama ialah pelaksanaan semula Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh MBPP mulai 1 Julai 2024, dengan penguatkuasaan penuh pada 1 Januari 2025. MBSP turut melaksanakan penguatkuasaan di 32 zon secara berkala.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, sesi taklimat dan ceramah telah diadakan kepada komuniti setempat termasuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan sekolah. MBSP juga mengedarkan risalah, memasang papan tanda dan menganjurkan pameran bulanan di lokasi tumpuan awam.

Selain itu, PGC turut menyediakan direktori MAMPAN di laman sesawang PGC (<https://www.pgc.com.my/2020/mampan-directory/>) yang merupakan satu sistem carian khas bagi tujuan membolehkan rakyat Pulau Pinang mendapatkan maklumat pusat kitar semula / pusat jual balik yang terdekat. Sistem ini dapat

membantu menangani isu penghantaran barang kitar semula ke fasiliti / pusat pengumpulan yang bersesuaian di negeri ini.

Kerjasama strategik turut dijalinkan dengan syarikat seperti Nestle, Riiicycle dan Erth bagi memperluas pendidikan dan galakan kepada masyarakat. Insentif juga disediakan untuk menggalakkan penduduk mengasing dan menjual bahan kitar semula.

Program-program hijau seperti *Plog Clean*, *Island Clean Up* dan Sekolah Hijau dianjurkan secara berkala, manakala MBSP memperkenalkan inisiatif “Seorang Ahli Majlis, Satu Pusat Kitar Semula” serta melantik kontraktor bagi kutipan sisa boleh kitar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

23. Bangunan bersejarah di Pulau Pinang yang telah dimasukkan dalam UNESCO George Town adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mengekalkan bangunan warisan sejarah. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan Tapak Warisan Sejarah di sebelah Butterworth?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Butterworth mempunyai bangunan yang signifikan dari segi seni bina, landskap bandar dan sejarah. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri sedang mempertimbangkan untukewartakan kawasan enklaf sivik di Jalan Bagan Luar, Butterworth sebagai Warisan Negeri di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14).

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut menganjurkan Butterworth Fringe Festival sebagai satu usaha yang diambil untuk mempromosikan warisan kebudayaan yang terdapat di Seberang Perai dan Butterworth khususnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

24. Tempat-tempat yang dinaik taraf sebagai kawasan pelancongan di sebelah Butterworth dan salah satunya adalah Taman Pantai di Bagan Luar Butterworth. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan kawasan tersebut yang dilihat tiada sambutan dan tidak dikenali ramai sama ada dalam kalangan pelancong dan penduduk Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang dalam usaha menaik taraf Taman Pantai, Butterworth. Pembangunan semula kawasan rekreasi Taman Pantai ini bertujuan untuk mengembalikan semula tarikan pelancongan dengan menyediakan pembangunan yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan tapak pada masa kini.

Projek ini telah dilaksanakan di tapak pada Oktober 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2025 dengan kos berjumlah RM650,000.00.

Projek ini merupakan salah satu inisiatif untuk meremajakan dan membangunkan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* yang lebih ceria dan *vibrant* di Seberang Perai serta memangkinkan *Local Economic Development* (LED) bagi penduduk Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

Di antara usaha-usaha pembangunan fizikal dan projek komuniti yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MBSP di Butterworth adalah: -

- (a) Menaik taraf Gelanggang Serba Guna (Hardcourt) Lebuh Kampung Benggali, Butterworth. Projek ini dilaksanakan dengan dengan keseluruhan kos dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai sebanyak RM381,000.00 dan telah siap dilaksanakan pada 17 Julai 2024.
- (b) Menaik taraf *Butterworth Art Walk* di Lorong Belakang Bagan Luar. Projek pengindahan reka bentuk bandar dengan menaik taraf lorong belakang dan lorong sisi ini dikenali sebagai *Butterworth Art Walk*. Projek ini mendapat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) dengan kos sebanyak RM250,000.00 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2024.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) telah melancarkan kempen "Pulau Pinang Yang Berlainan" (Not the Penang You Know) untuk mempromosikan destinasi di Seberang Perai, termasuk Bagan Luar. Kempen ini disokong oleh promosi di platform e-dagang serta risalah seperti "Opposite Side of the Island, Seberang Perai" yang memaparkan tarikan utama di kawasan tersebut.

Penganjuran Festival dan Acara Budaya Festival seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF) telah diadakan untuk menarik pelancong ke kawasan Butterworth dengan menampilkan persembahan seni dan budaya tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

25. Pemetongan dan pembuangan pokok di kawasan Flat Rethina, Telok Air Tawar. Adakah pihak MBSP tidak dapat membuat pemetongan keseluruhan pokok yang sudah berusia puluhan tahun dan membahayakan penduduk sekitar?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Dasar Majlis Bandaraya Seberang Prai (MBSP) telah menetapkan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok teduhan dan pokok-pokok persendirian dalam kawasan sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT), hospital, agensi kerajaan, rumah ibadat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), komuniti berpagar (*gated community*), kediaman bertingkat dan lain-lain kawasan hak milik persendirian atau kerajaan adalah di bawah tanggungjawab pemilik premis/tanah. Namun begitu, MBSP akan melaksanakan penyelenggaraan pokok teduhan landskap yang terletak di luar kawasan Flat Rethina, Telok Air Tawar sahaja di mana kawasan itu adalah di bawah penyelenggaraan Majlis.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

26. Bagaimanakah kriteria pemilihan yang dibuat untuk peniaga-peniaga menerima Kiosk Niaga MBSP kerana ada yang telah lama berniaga dan memohon tetapi tetap tidak layak memohon?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Pengisian kiosk telah dilaksanakan berdasarkan data bancian penjaja yang telah dikumpulkan di kawasan Taman Robina dan Vision Park. Proses pemilihan dibuat mengambil kira beberapa kriteria utama seperti tempoh perniagaan, kekerapan aduan yang diterima, serta keaktifan penjaja dalam aktiviti perniagaan harian.

Untuk pengisian akan datang, sekiranya terdapat kekosongan kiosk, pihak Majlis akan melaksanakan proses pengambilan penjaja baharu melalui sesi temu duga ruang niaga yang akan diadakan setiap bulan. Proses ini bertujuan memastikan hanya penjaja yang memenuhi syarat dan berkelayakan sahaja akan ditawarkan ruang niaga di kawasan berkenaan.

Kriteria pemilihan yang dibuat untuk peniaga-peniaga menerima Kiosk Niaga adalah seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia ;
- (ii) Berumur 18 tahun ke atas ;
- (iii) Suami/isteri ditawarkan satu gerai sahaja ;

- (iv) Bukan kakitangan awam ; dan
- (v) Keutamaan kepada pengundi Pulau Pinang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

27. Dimaklumkan bahawa JPSP melantik perunding untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir merangkumi kawasan Telok Air Tawar dan kerja menaik taraf ini adalah secara berfasa.
- (a) Bolehkah dipercepatkan projek tersebut supaya tidak berlaku lagi banjir tahun 2025?
 - (b) Bolehkah diberi satu jangka masa yang tetap untuk projek tersebut selesai dijalankan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSP) telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah Seberang Perai Utara pada tahun 2019.
- (a) Melalui kajian ini, beberapa kawasan telah dikenal pasti bagi kerja penyelenggaraan, pembangunan dan penaiktarafan melibatkan keseluruhan sistem. Pelan ini melibatkan pelbagai agensi iaitu sistem perparitan kampung/luar bandar yang berada di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU), sistem perparitan perumahan dan saliran kawasan bandar di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), longkang/parit tepi jalan di bawah Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dan sistem saliran parit utama/sungai di bawah JPSP. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan kejadian banjir di kawasan

Teluk Air Tawar dan impaknya kepada komuniti setempat. Justeru, perkara ini akan diteliti dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang.

- (b) Tiada jangka masa yang telah ditetapkan untuk pelaksanaan Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah Seberang Perai Utara tersebut. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

28. Dimaklumkan bahawa bagi menjaga keaslian makanan tradisional Pulau Pinang, salah satu langkah adalah menyekat warga asing daripada memasak makanan tradisional khususnya di gerai-gerai niaga.
- (a) Apakah sekatan ini berjaya dilaksanakan?
 - (b) Bolehkah digubal satu larangan kepada peniaga-peniaga supaya tidak mengguna warga asing untuk memasak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Polisi Larangan Tukang Masak Warga Asing Memasak Makanan Tempatan di Negeri Pulau Pinang masih kekal dikuatkuasakan sebagai langkah strategik Kerajaan Negeri untuk memelihara keaslian, identiti dan warisan kulinari tempatan, khususnya bagi peniaga makanan berlesen yang beroperasi di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Bagi memastikan pematuhan terhadap dasar ini, pihak MBPP telah mengambil tindakan tegas, termasuk pembatalan lesen perniagaan terhadap pengusaha yang gagal mematuhi polisi berkenaan. Sehingga tahun 2024, sebanyak 14 lesen telah dibatalkan sejak dasar ini dikuatkuasakan pada tahun 2016.

Sementara itu, di kawasan Seberang Perai, MBSP melaporkan bahawa tiada warga asing dikesan memasak di kompleks makanan milik MBSP berdasarkan pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan secara berkala.

- (b) Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) komited dalam menyekat warga asing daripada memasak makanan tempatan, perlu dimaklumkan bahawa penggubalan dasar tidak boleh dilaksanakan secara rasmi di peringkat Kerajaan Tempatan. Hal ini demikian kerana aspek berkaitan pengambilan dan pengeluaran Permit Pekerja Warga Asing adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Selain itu, penggubalan larangan kepada peniaga-peniaga supaya tidak menggunakan warga asing untuk memasak memerlukan satu kajian terperinci atas faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Terdapat aktiviti perniagaan makanan tertentu yang memerlukan tukang masak daripada luar negara untuk menyediakan menu dan hidangan khusus atau tradisi seperti restoran makanan thai/ tomyam dan makanan arab;
- (ii) Tukang masak daripada negara luar turut menjadi salah satu daya tarikan kepada sesebuah perniagaan makanan;
- (iii) Pengenaan larangan tukang masak warga asing akan memberikan kesan ekonomi dari aspek bebanan/ peningkatan kos bayaran upah kepada pengusaha makanan dimana upah tukang masak warga asing lebih murah; dan
- (iv) Terdapat kesukaran kepada pengusaha makanan bagi mendapatkan tukang masak tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

29. Tanah di tepi-tepi jalan sepanjang Jalan Besar Telok Air Tawar.
- (a) Apakah susulan kerja dan menaik taraf tanah di tepi jalan besar oleh pihak MBSP yang telah melarang peniaga-peniaga berniaga di sepanjang jalan tersebut?
 - (b) Mengapakah pihak MBSP tidak membuat landskap yang cantik di sepanjang jalan besar tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Tanah di tepi-tepi jalan sepanjang Jalan Besar Telok Air Tawar merupakan rizab Jalan Persekutuan iaitu di bawah penyelenggaraan pihak JKR. Buat masa ini, pihak MBSP tiada perancangan untuk menaik taraf tanah di tepi jalan besar tersebut. Bagi memastikan kelangsungan hidup peniaga yang berniaga di sepanjang jalan tersebut, pihak MBSP telah menawarkan lokasi perniagaan yang baharu iaitu di Tapak Kiosk Pantai Robina. Walau bagaimanapun, tawaran yang diberikan oleh pihak MBSP tidak mendapat sambutan oleh para peniaga.
- (b) Pihak MBSP tidak merancang untuk menyediakan landskap yang cantik kerana jalan tersebut merupakan Jalan Persekutuan dan ia berada di bawah bidang kuasa penyelenggaraan oleh pihak JKR.